

**Ucaptama**

**YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof**

**Menteri Kerja Raya**

**sempena**

**Majlis Sambutan Ulangtahun Ke-20**

**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan**

**Putrajaya Marriot**

**20 November 2015**

Yang Berbahagia, Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali  
Pengerusi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan  
(CIDB) Malaysia

Yang Berbahagia, Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim  
Ketua Eksekutif, CIDB Malaysia

Ahli-ahli Lembaga Pengarah CIDB Malaysia

Pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Ketua-ketua  
Jabatan dan Agensi

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warrahmatullahiwabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Transformasi, Salam Sehati Sejiwa, Salam 1 Malaysia.

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada CIDB Malaysia atas sambutan ulangtahun penubuhannya yang ke-20 pada malam ini. Begitu pantas masa berlalu. Dalam kesibukan menjalankan tugas dan mengharungi cabaran demi cabaran, tanpa kita sedari, dua dekad telah berlalu.
2. Saya mengalu-alukan usaha CIDB untuk meraikan ulangtahun buat pertama kalinya. Sambutan ini merupakan peluang untuk kita melihat kembali pencapaian dan memperbaiki kelemahan yang ada serta membuat perancangan untuk tahun-tahun yang mendatang.

### **Penubuhan CIDB**

3. Saya ingin mengajak saudara-saudari mengimbau kembali keadaan industri pembinaan lebih 20 tahun yang lampau, sebelum kelahiran CIDB. Pada waktu itu, Wawasan 2020 baru sahaja dilancarkan, dan ia telah memangkin ledakan projek-projek pembinaan diseluruh

negara. Pembangunan projek fizikal yang begitu pesat pada masa itu telah menampakkan beberapa masalah ketara berkaitan dengan industri ini, iaitu kekurangan tenaga kerja, masalah keselamatan di tapak bina, masalah kualiti dan sebagainya.

4. Sebelum wujudnya CIDB, para kontraktor yang ingin menyertai tender projek kerajaan diwajibkan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Akan tetapi, syarat ini tidak terpakai untuk kontraktor yang menjalankan projek-projek swasta. Oleh itu, agensi-agensi Kerajaan serta penggiat-penggiat industri pada waktu itu sedar akan perlunya satu badan ditubuhkan bagi menyelia industri pembinaan negara. Akhirnya, pada 7 Julai 1994 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Akta 520 telah diluluskan di Parlimen.
5. CIDB Malaysia telah dilancarkan pada 16 Disember 1994 oleh Menteri Kerja Raya pada waktu itu iaitu Tan Sri Leo Moggie. Pada pertengahan 1995, CIDB Malaysia mula beroperasi sepenuhnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), iaitu lokasi yang sama ia beroperasi pada hari ini.

## **Pendaftaran Kontraktor**

Para hadirin sekalian,

6. Selaras dengan penubuhan CIDB dan berkuatkuasanya Akta 520, semua kontraktor tempatan dan asing diwajibkan berdaftar dengan CIDB sebelum melaksanakan semua jenis kerja pembinaan. Saya difahamkan bahawa pada hari pertama pendaftaran dibuka, begitu ramai kontraktor berebut-rebut untuk mendaftar sehinggakan pintu masuk kaunter pendaftaran roboh dan CIDB terpaksa memanggil pihak polis untuk mengawal keadaan.
7. Kini, masalah tersebut tidak lagi timbul kerana CIDB beroperasi di semua 14 negeri di seluruh negara dan juga telah melaksanakan pendaftaran secara atas talian (*online*). Data terkini menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada 68,000 kontraktor berdaftar di Malaysia pada hari ini.

## **Pendaftaran Personel Binaan**

8. Seterusnya, CIDB telah memulakan pendaftaran personel binaan berserta dengan pakej takaful yang menyediakan

perlindungan 24 jam di seluruh dunia. Kemudian, Kad Hijau CIDB pula diperkenalkan sebagai kad pengenalan diri bagi personel binaan, termasuk bidang kemahiran pekerja tersebut. Pada hari ini, terdapat 1.2 juta personel binaan yang memegang Kad Hijau di negara ini.

9. Bagi meningkatkan tenaga kerja mahir dalam industri pembinaan, CIDB telah menubuhkan Akademi Binaan Malaysia (ABM) di 6 wilayah di seluruh negara iaitu 4 buah Akademi Binaan Malaysia di Semenanjung, setiap satu di Sabah dan Sarawak pada 1997. Sehingga kini, ABM telah melatih lebih daripada 250,000 belia dan personnel binaan di dalam pelbagai bidang kemahiran yang menyumbang kepada industri pembinaan negara.

### **Pembangunan Industri**

10. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme*, CITP) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 September 2015, selari dengan pengumuman Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11)

untuk mentransformasikan sektor pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Program ini memberi penekanan kepada empat (4) strategi dan inisiatif untuk mengubah industri pembinaan dari segi :

- (i) peningkatan kualiti, keselamatan dan profesionalisme;
- (ii) memupuk amalan lestari dan kemampanan alam sekitar;
- (iii) memacu produktiviti; dan
- (iii) meningkatkan penggunaan teknologi dan pengantarabangsaan secara menyeluruh.

11. Penggunaan teknologi maju seperti BIM (*building information modelling*) dan IBS (*industrialised building system*) dalam sektor pembinaan secara meluas merupakan salah satu aktiviti yang digariskan dalam CITP. Usaha ini dapat memastikan industri pembinaan negara dapat mencapai kualiti pembinaan yang terbaik selain mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

12. CIDB telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat IBS bagi mendaftarkan pengeluar komponen IBS,

memberi pandangan teknikal dan membangunkan polisi berkaitan dengan penggunaan IBS dan Mekanisasi.

13. Selain itu CIDB juga telah menubuhkan *Construction Labour Exchange Centre Berhad* (CLAB), untuk membawa masuk dan mengagihkan pekerja pembinaan asing kepada syarikat-syarikat di Malaysia. Ia juga telah menubuhkan Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dan juga membina Makmal Kerja Raya Malaysia (MKRM).
14. Terdapat banyak lagi inisiatif yang telah dilaksanakan oleh CIDB sepanjang penubuhannya termasuk memperkenalkan Q-LASSIC, iaitu sistem pengukur kualiti hasil kerja binaan, SHASSIC, iaitu sistem pengukur kepatuhan kepada garis panduan dan peraturan keselamatan di tapak bina serta SCORE yang merupakan satu mekanisme untuk mengukur kapasiti dan kapabiliti sesebuah syarikat kontraktor dalam melaksanakan projek.
15. Dalam tempoh hampir tiga tahun perantaraan saya sebagai Menteri Kerja Raya, beberapa inisiatif yang memberi impak besar kepada industri telah berjaya dilancarkan oleh CIDB. Antaranya adalah penubuhan Mahkamah Pembinaan, pelaksanaan Akta Pembayaran dan

Adjudikasi Pembinaan dan penguatkuasaan Akta 520 (Pindaan 2011). Seterusnya, pada 10 September yang lalu, Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) telah dilancarkan.

16. Malah segala usaha, kerja keras serta pencapaian selama 20 tahun ini telah direkodkan melalui penerbitan buku ***Leading Construction Transformation*** yang telah dihasilkan untuk dijadikan sebagai bukti kepada segala sumbangan oleh CIDB sehingga ke hari ini.

Para hadirin sekalian,

17. Saya telah mengarahkan semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya menggunakan platform media sosial sebagai saluran berkomunikasi secara terus dengan pelanggan, industri dan juga orang awam. Kesemua agensi tersebut kini aktif dalam penggunaan *Facebook* dan *Twitter* bagi berinteraksi dengan pelanggan masing-masing dan memberi maklum balas segera bagi masalah yang dikemukakan.
18. Saya ingin mengucapkan syabas kepada CIDB kerana aktif dalam penggunaan media sosial dan telah berjaya mendapat lebih daripada 63,000 *likes* dalam *Facebook*

CIDB. Saya difahamkan CIDB akan memberi hadiah istimewa kepada mereka yang berjaya menjadi “liker” yang ke 100,000. Oleh itu saya menggesa sesiapa yang masih belum “like” *Facebook* CIDB untuk berbuat demikian.

Para hadirin sekalian,

19. Saya juga secara peribadi ingin menyampaikan sejuta penghargaan kepada mantan-mantan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang telah turut sama membentuk CIDB pada tahap di mana ia sekarang. Bermula dari zaman perkhidmatan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Leo Moggie (1989-1995) yang pada waktu itu telah berjuang mengusulkan di kabinet mengenai penubuhan CIDB serta Akta 520 CIDB pada tahun 1994. Objektif serta fungsi-fungsi CIDB telah diterjemahkan dalam akta sesuai dengan kewajaran penubuhannya ketika itu. Pada waktu tersebut Tan Sri Dr. Leo Moggie telah melantik Dato’ Prof. Hj. Abdul Rahman Abdullah sebagai Ketua Eksekutif CIDB pertama yang pada sebelum itu Dato’ Prof. sedang berkhidmat sebagai penolong Ketua Pengarah di Jabatan Kerja Raya.

20. Kemudian, Yang Berbahagia Datuk Seri Utama S. Samy Vellu (1995-2008) pula meneruskan perjuangan dengan memastikan CIDB bergerak seperti fungsi-fungsi dalam akta yang telah digubal. Antara jasa Datuk Seri adalah dalam penganjuran International Construction Week (ICW) yang pertama iaitu yang dahulunya dijenamakan sebagai Malaysia International Building Exposition (MALBEX) telah dianjurkan pada tahun 1996. Datuk Seri Utama S. Samy Vellu juga telah banyak menerajui dalam inisiatif-inisiatif membawa kontraktor-kontraktor tempatan ke arena industri pembinaan antarabangsa khususnya India, Selain itu, pada zaman Datuk Seri juga Construction Industry Master Plan (CIMP) 2006-2015 telah dilancarkan dan menjadi panduan CIDB dan penggiat industri dalam pelaksanaan. Perjuangan ini diteruskan oleh mantan Menteri Kerja Raya seterusnya iaitu Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed dari tahun 2008 hingga 2009 dan Dato' Seri Shaziman Abu Mansor dari tahun 2009 sehinggalah 2013.

Para hadirin sekalian,

21. Malam ini kita bukan sahaja meraikan pencapaian 20 tahun bagi CIDB, tetapi juga episod baru yang akan bermula bagi

CIDB dan industri pembinaan secara keseluruhannya. Menjelang 2020, CIDB akan menyambut Ulangtahun yang ke-25 dan pencapaian CITP akan dapat kita lihat, InsyaAllah. Harapan saya, semoga CIDB terus kukuh dan teguh berada di landasan perjuangannya dalam menerajui transformasi pembinaan. **Selamat menyambut ulang tahun ke-20, CIDB Malaysia.**

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.